

PNB umum dividen ASB 4.25 sen

Pembayaran khas ihsan 0.75 sen seunit untuk 30,000 unit pertama

Oleh MOHD HAFIZ ISMAIL

KUALA LUMPUR

Permodalan Nasional Bhd (PNB) mengumumkan agihan pendapatan sebanyak 4.25 sen seunit untuk dana unit amanah utamanya iaitu Amanah Saham Bumiputera (ASB) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.

Bayaran itu merangkumi agihan pendapatan sebanyak 3.50 sen seunit dan bayaran bonus 0.75 sen seunit.

Pengerusi PNB, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz berkata, sempena sambutan ulang tahun ke-30 ASB, turut diumumkan bayaran ihsan sebanyak 0.75 sen seunit bagi 30,000 unit pertama ASB yang dipegang setiap pemegang unit.

Menurut Zeti, prestasi ASB kekal kompetitif berbanding instrumen pelaburan berisiko rendah yang lain dan terus menjadi pilihan tepat bagi individu yang mempunyai profil risiko rendah dan menyasarkan horizon pelaburan jangka panjang.

Katanya, dalam persekitaran ekonomi makro yang mencabar dan pa-

saran kewangan yang tidak menentu pada tahun ini, Amanah Saham Nasional Berhad (ASN) ingin mengumumkan pembayaran agihan pendapatan dan bonus berjumlah RM7.6 bilion kepada 10.2 juta pemegang unit.

"Itu menjadikan jumlah agihan pendapatan dan bonus terkumpul dana tersebut sepanjang 30 tahun, sejak mula diperkenalkan pada tahun 1990 adalah sebanyak RM159.6 bilion.

"ASB mengumumkan jumlah agihan 4.25 sen seunit iaitu 3.50 sen seunit dan bonus 0.75 sen seunit.

"Sebagai tambahan, kesemua pemegang unit ASB akan menerima pembayaran ihsan khusus sempena Ulang Tahun ASB ke-30, sebanyak 0.75 sen seunit untuk 30,000 unit pertama mereka," katanya selepas mengumumkan pengagihan pendapatan ASB bagi tahun kewangan 2020 secara maya pada Rabu.

Zeti berkata, pengiraan agihan pendapatan dan bonus ASB berdasarkan baki purata minimum bulanan yang dimiliki sepanjang tahun kewangan.

"Unit yang dilaburkan semula daripada agihan pendapatan dan bonus akan dikreditkan ke akaun pemegang unit pada 1 Januari 2021," katanya.

Jelas beliau, prestasi ASB kekal kompetitif berbanding instrumen pelaburan berisiko rendah yang lain.

"ASB terus menjadi pilihan tepat bagi individu yang berprofil risiko rendah dan melabur untuk jangka panjang.



ZETI



Zeti (kiri) bersama Ahmad Zulfarnain merakam gambar pada layar digital pengagihan pendapatan ASB di Kuala Lumpur pada Rabu.

"Strategi kepelbagaian portfolio ASB terus mencatatkan kemajuan pada 2020, dengan peningkatan pendedahan kepada ekuiti antarabangsa, ekuiti persendirian, hartanah dan pendapatan tetap. Pelaburan aset antarabangsa meningkat kepada 5.9 peratus berbanding 3.6 peratus pada 2019," katanya.

Zeti berkata, dalam suasana turun naik pasaran global, strategi tersebut membuahkan hasil positif dengan bahagian sumbangan pendapatan kasar daripada ekuiti awam antarabangsa meningkat daripada 6.3 peratus pada 2019 kepada 24.2 peratus bagi 2020.

Beliau berkata, dalam tahun yang terkesan dengan Covid-19, Aset di Bawah Pengurusan (AUM) PNB sehing-

ga November 2020 meningkat kepada RM320.5 bilion.

"Ia peningkatan sebanyak 2.7 peratus daripada tahun kewangan sebelumnya. Unit dalam edaran bagi 15 dana meningkat sebanyak 3.4 peratus kepada 263.2 bilion unit dengan lebih daripada 200,000 akaun baharu didaftarkan sepanjang tahun, menjadikan jumlah keseluruhan 14.5 juta akaun dengan 12.2 juta pemegang akaun unik.

"PNB terus memberikan pulangan mampan kepada pemegang unit dengan pembayaran sebanyak RM11.2 bilion merentasi kesemua dana bagi tahun 2020 termasuk agihan pendapatan ASB ini. Ia menjadikan jumlah terkumpul agihan pendapatan PNB ialah sebanyak RM211.4 bilion," katanya.

Prestasi kewangan masih berdaya tahan, kata Ahmad Zulfarnain

KUALA LUMPUR - Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB), Ahmad Zulfarnain sewaktu pembentangan agihan pendapatan Amanah Saham Bumiputera (ASB) bagi tahun kewangan 2020 secara maya berkongsi tiga pencapaian utama PNB dalam persekitaran operasi yang sukar pada 2020.

"Pertama, PNB terus membuat kemajuan yang baik dalam kepelbagaian portfolio, menyelaraskan semula pelaburan secara strategik daripada segi geografi dan kelas aset untuk mencapai matlamat pelaburan.

"Pendedahan global agregat PNB meningkat kepada 11.9 peratus pada 2020 berbanding 8.1 peratus pada 2019 dengan sumbangan pendapatan yang lebih besar daripada aset pelaburan globalnya," katanya.

Menurutnya, prestasi kewangan PNB tetap berdaya tahan di sebalik landskap ekonomi yang mencabar.

"Kami meningkatkan AUM (Aset di Bawah Pengurusan) secara berterusan kepada lebih RM320 bilion yang mencerminkan kepercayaan berterusan pemegang unit.

"Prestasi agihan pendapatan kami juga kekal kompetitif mengatasi penanda aras dana masing-masing.

"PNB terus meningkatkan usaha memperkaya dan meningkatkan pengalaman pemegang unit dan memberi nilai melalui rangkaian penawaran dan perkhidmatan produk baharu.

"Dana pertama ASN (Amanah Saham Nasional Berhad) bertumpu kepada pelaburan antarabangsa, ASN Imbang 3 Global yang dilancarkan pada Hari Malaysia disasarkan kepada pelabur dengan profil toleransi risiko

sedehana dan berhasrat mempunyai pendedahan yang lebih besar dalam aset global.

"Untuk perkhidmatan tambah nilai, ASN memperkenalkan kemudahan pengeluaran dalam talian dan Hibah Amanah dalam talian untuk meningkatkan capaian dan fleksibiliti pelanggan.

"ASB Loan Helpdesk juga dilancarkan untuk memberi nasihat kepada pemegang unit mengenai kadar pembiayaan pinjaman ASB mereka berikutan pengurangan penanda aras kadar pembiayaan," katanya.

Beliau berkata, perjalanan transformasi digital PNB mencatat peristiwa baharu pada Julai lalu dengan pelancaran Raiz iaitu aplikasi mudah alih pelaburan mikro.



AHMAD ZULFARNAIN

"Raiz menggunakan duit baki maya daripada penggenapan pembelian harian untuk melabur secara proaktif ke dalam dana harga berubah ASN dan kemudahan yang sesuai untuk memulakan tabiat melabur.

"Pengenalan Raiz adalah sebahagian daripada strategi menyeluruh perniagaan digital

PNB untuk memanfaatkan teknologi kewangan (FinTech)," katanya.

Beliau berkata, PNB juga berjaaya mengubah acara tahunan literasi kewangan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) kepada Minggu Saham Digital (MSD) yang diadakan secara maya daripada 18 hingga 24 November 2020.